

Novel Cinta Sebagai Karya Sastera Bergender dan Implikasi Terhadap Aktiviti Kritikan/*Romance Novel as Gendered Literature and Its Implication on the Activities of Criticism*¹

Rohizah Halim^{1*} dan Sharifah Fazliyaton Shaik Ismail²

¹Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia

²Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Novel cinta sememangnya dikaitkan dengan wanita. Bagi penggemarnya dan pengkritik sastera popular, sifat kewanitaan genre inilah yang mengundang kritikan umum dan juga daripada pengkaji sastera. Persoalannya, adakah kritikan ini boleh diterima? Kertas kerja ini akan membincangkan secara ringkas sejarah dan tempat genre ini dalam keserjanaan dan penyelidikan kesusasteraan secara umum, selain daripada pendedahan kepada perkembangan dan perubahan terkini genre ini. Setelah itu, perbincangan akan diberikan kepada aktiviti kritikan umum dan kritikan akademik terhadap novel cinta. Akhir sekali, kertas kerja ini mengemukakan dua pendekatan kritikan yang boleh digunakan untuk menghuraikan novel cinta. Kertas kerja ini diharap akan dapat menarik minat pengkaji dan pemerhati sastera tempatan untuk menilai semula pandangan yang dihubungkan dengan novel yang merupakan antara genre utama industri penerbitan.

Kata kunci: Novel cinta; Sastera popular; Sastera wanita, Strukturalisme, Maklum balas pembaca

ABSTRACT

As a genre, romance novels are decidedly female in nature. This is acknowledged by both the fans and popular literature scholars. It is this very idea that seems to be at the root of criticism against the genre. The question is whether the criticisms are warranted. This paper will be discussing the history of the genre, the place of the genre in literary scholarship the recent development in the area of popular literature, specifically romance genre research. Then, the discussion moves on to current activities in the appraisal of the genre. The paper presents two approaches that can be used to study the genre. It is hoped that local literary scholars will be induced to take a second and a much closer look into this staple of the publishing industry.

Keywords: Popular literature; Reader-response; Romance novels; Structuralism; Women's literature

1. PENGENALAN

Konsep umum tentang novel cinta (*romance novels*) bukanlah suatu konsep yang sukar difahami. Dilihat daripada namanya, novel cinta ialah novel yang berkisar tentang cinta sebagai tema utama, atau lebih khusus lagi, cinta romantik antara watak lelaki dengan watak wanita. Namun, selain daripada elemen cinta romantik, elemen novel cinta yang paling penting ialah *happily-ever-after* atau HEA (Roach, 2010). Menurut laman web *Romance Writers of America* (RWA), pengakhiran yang positif dan optimistik ialah asas kepada konsep genre cinta popular (<https://www.rwa.org/>). Inilah aspek penting yang membezakan antara novel cinta dengan novel lain yang memaparkan kisah cinta antara dua watak utama. Dalam novel cinta, kedua-dua watak utama mestilah menemui kebahagiaan dengan satu sama lain. Kepentingan HEA ditekankan oleh Roach (2010, Love as God..., para 8), “[t]he HEA is a sacred guarantee in a

romance novel: the author will not let the readers down by failing to provide the emotional resolutions in reading experience of love conquering all, healing all wounds, and leading to the promised happily ever after."

Menurut, RWA, pasaran novel cinta berbahasa Inggeris di Amerika Utara mencatatkan jualan sebanyak 23 peratus daripada keseluruhan pasaran cereka dan secara konsisten mencatatkan jualan yang tinggi. Kepopularan novel cinta menyebabkan ia dianggap sebagai hero dalam dunia penerbitan (Mohammed, 2019). Namun, tiada statistik yang menyeluruh dan berpusat tentang jumlah jualan novel ini di Malaysia, namun genre cinta adalah antara tiga genre fiksyen yang mendapat tempat di hati pembaca (Hafizah Iszahanid, 2019) di Malaysia. Dari satu sudut lain, acara seperti anugerah buku yang dianjurkan oleh akhbar *Berita Harian* dan rangkaian kedai buku *Popular* dapat dijadikan kayu ukur terhadap kepopularan genre cinta. Pada tahun 2016, kategori cereka dalam Anugerah Pilihan Pembaca Popular yang dianjurkan oleh *Berita Harian* menyaksikan semua karya cereka yang dicalonkan terdiri daripada genre cinta (20 karya rebut Anugerah Popular-BH 2016, 2016) dan dimenangi oleh tiga tempat teratas diraih oleh novel *Cinta Si Wedding Planner*, *Tundukkan Playboy Itu*, dan *Tuan Anas Mikael* (Hafizah Iszahanid, 2016). Anugerah ini menunjukkan dominasi penulis dan peminat genre ini yang tidak dapat dipertikaikan (Siti Fatimah Anwar & Latifah Arifin, 2019).

Sebagai satu genre fiksyen, novel cinta mempunyai peminat yang ramai dan berdedikasi dan hampir keseluruhannya yang terdiri daripada wanita (Brancky, 2010). Ini bukanlah suatu aspek yang mengejutkan kerana lelaki kurang membaca berbanding wanita. Di Malaysia contohnya, pembaca lelaki yang menjadikan pembacaan sebagai tabiat belum lagi wujud apabila penyelidikan Ambigapathy Pandian (seperti yang dipetik dalam Schaar, Lapasau & Ng, 2013) menjalankan penyelidikannya dalam tahun 1997. Dapatan ini sukar untuk dipercayai pada masa sekarang, namun kepercayaan bahawa tabiat membaca, terutamanya untuk keseronokan, lebih mudah ditemui dalam kalangan wanita berbanding lelaki masih boleh diterima (Lin & Yeow, 2011). Perbezaan ini juga diketahui dalam kalangan penulis dan industri penerbitan (rujuk contohnya, kajian oleh Mann, 1969). Pengarang *Atonement*, Ian McEwan (2005, para 5) berpandangan bahawa novel ialah "...the most feminine of forms" yang sesuai dengan fitrah wanita yang lebih pintar emosi, dan kemudiannya membuat kesimpulan "*when women stop reading, the novel will be dead.*". Walaupun soal selidik RWA mendapati bahawa ramalan trend pembacaan untuk masa hadapan menunjukkan semakin ramai daripada golongan lelaki mempunyai pandangan positif terhadap kemungkinan membaca novel cinta, hakikatnya ialah pada masa sekarang, jumlah pembaca wanita menenggelamkan jumlah pembaca lelaki. Kecenderungan genre ini dikaitkan dengan pembaca wanita bukanlah satu perkara yang membimbangkan jika ia tidak dilihat sebagai satu aspek yang menjadikan genre ini sebagai genre yang dipinggirkan dan dipandang rendah.

Kepopularan genre ini dalam kalangan peminat dan dalam lingkungan perniagaan industri penerbitan buku tidak digambarkan oleh pengkritik umum (Fairclough, 2017; Pearse, 2015) dan ahli akademik yang bergiat dalam bidang sastera. Sehingga kini, kurangnya kajian dan perbincangan berbentuk ilmiah dilakukan (rujuk Nurul Hilwany Che Shaffine, 2017). terhadap genre yang pernah dikatakan sebagai "...one the most despised categories of popular writing..." (Glover & Kaplan, 2000, h. 138); jauh untuk diajar sebagai topik atau kursus di institusi pengajian tinggi. Adakah keadaan ini terjadi hasil daripada gabungan faktor yang disebutkan? Adakah kerana pembaca dan penulis yang kebanyakannya wanita, membuatkan novel cinta dipandang rendah? Adakah kerana tema cinta romantik yang menjadi fokus utama genre menyebabkannya dipinggirkan? Adakah penekanan kepada pengakhiran yang gembira membuatkan pengkritik menyimpulkan bahawa plot novel cinta itu 'berformula' (Kaler, 1999) dan merendahkan nilai karya dalam genre ini?

Kertas kerja ini membincangkan secara ringkas tentang senario umum penerimaan genre cinta dan pandangan umum tentang nilai genre tersebut dalam kesusasteraan. Selain itu, kertas kerja

ini turut menyentuh serba sedikit tentang kesedaran yang semakin muncul dalam kalangan peminat genre yang merancakkan aktiviti penyelidikan dan kritikan genre cinta. Akhir sekali, kertas kerja ini mencadangkan agar perhatian diberikan kepada genre ini di Malaysia dengan menonjolkan dua pendekatan yang boleh diterapkan untuk mengkaji genre ini.

2. NILAI NOVEL CINTA DALAM SENARIO UMUM KRITIKAN SASTERA KONTEMPORARI

Nilai sesebuah karya sastera berbentuk fiksi dapat dilihat daripada perhatian yang diberikan oleh anggota masyarakat; yang terbahagi kepada pembaca (kumpulan umum), dan pengkritik atau pengulas sastera dan penerbit (kumpulan khas). Khalayak umum atau pembaca menilai karya melalui kesediaan mereka mengeluarkan wang untuk membeli karya tersebut. Jika ramai pembaca membeli karya, nilai komersial karya tersebut meningkat dan penerbit akan mengambil maklum akan perkara itu. Sebagai kumpulan khusus, penerbit akan berusaha menjual karya, sementara pengulas dan pengkritik memilih karya untuk diangkat sebagai contoh dengan menunjukkan kepada masyarakat elemen yang menjadikan karya itu baik atau sebaliknya. Karya sastera, terutamanya fiksi bergenre diharap dapat memenuhi cita rasa kedua-dua jenis kumpulan ini. Genre cinta sudah memenuhi kriteria kumpulan pertama, dan diharapkan mendapat tempat dalam kalangan kumpulan kedua.

Kritikan sastera ialah *“the reasoned consideration of literary works and issues....the interpretation of meaning and the judgment of quality.... combine discussion of texts with broad arguments about the nature of literature and the principles of assessing it.”* (Crews, 2014). Kritikan sastera dapat dibahagikan kepada ulasan umum seperti yang ditemui dalam akhbar dan majalah, dan juga dalam perbincangan ilmiah yang sistematik dan menggunakan teori atau pendekatan tertentu. Jenis yang kedua ini disebar dalam dunia akademik yang terhad ruangnya, sementara untuk kritikan jenis pertama, penilaian positif atau sebaliknya tidak semestinya mempengaruhi penerimaan umum. Buku yang dinilai secara negatif masih berupaya menduduki carta jualan tertinggi.

Fungsi kritikan dalam konteks ini mempunyai perkaitan dengan aspek-aspek sosioekonomi dan sosiobudaya. Penulis kreatif yang muncul dalam ruangan ulasan – terutamanya untuk akhbar atau majalah yang berpengaruh – memberitahu umum bahawa beliau sudah mencapai tahap yang tinggi dan meletakkan dirinya di hadapan penulis-penulis lain. Dari segi jualan, terdapat kes yang menunjukkan bahawa buku yang dikritik hebat (dalam erti kata negatif) meningkatkan profil dan jualan buku tersebut kerana kritikan yang diberikan menimbulkan rasa ingin tahu dalam diri masyarakat umum. Demikian juga dengan penulis yang berjaya menempatkan diri dan karya sebagai objek kajian ilmiah. Penulis dan karya mereka dianggap mempunyai prestij kerana bakat mereka telah diiktiraf oleh akademia. Apa yang jelas, karya kreatif yang diulas memberitahu umum bahawa karya tersebut mempunyai nilai, sama ada nilai ekonomi atau nilai budaya.

Pemilihan karya untuk diulas atau dinilai juga boleh difahami dalam lingkungan penciptaan dan penerimaan karya dan faktor-faktor yang berkaitan dengan amalan institusi. Contohnya, karya seorang penulis yang terkenal akan lebih cenderung diulas berbanding karya pertama penulis baharu. Pemerhati dan peminat genre cinta seperti Faircloth (2017) mengakui bahawa karya berbentuk genre secara umumnya disisihkan pengulas. Namun sejarah menunjukkan bahawa novel daripada genre fiksi sains, misteri dan novel grafik menerima pengiktirafan lebih dahulu daripada genre cinta dalam akhbar atau majalah berkualiti seperti *The New York Times* (NYT) atau *The New Yorker* (Faircloth, 2017). Dalam tradisi penerbitan genre cinta di Barat, ulasan karya muncul dalam penerbitan berkala industri (*trade publication*) seperti *RT Book Reviews* (dahulunya *Romantic Times*) atau *Affaire de Coeur*. Walau bagaimanapun, ulasan ini dilihat sebagai terlalu memuji, atau tidak objektif (Wendell, 2012). Namun, apabila akhbar NYT

memberikan ruang kepada genre cinta, genre ini dilihat sebagai masih tidak berupaya dinilai secara objektif (Fairclough, 2017). Tahap penerimaan *establishment* sastera popular dalam konteks Malaysia kurang jelas kerana amalan ulasan buku dalam akhbar berbahasa Melayu bukanlah satu amalan yang biasa. Ia tidak mempunyai sejarah atau tradisi yang panjang seperti yang dipamerkan oleh akhbar berbahasa Inggeris, sama ada tempatan atau luar negara. Walaupun pengulas boleh mempamerkan sikap negatif terhadap novel cinta, tidak kurang juga pengulas yang mempunyai pandangan yang lebih menerima, terutamanya apabila dikaitkan dengan pengiktirafan daripada organisasi media dan industri seperti anugerah *Berita Harian* dan *Popular*.

Kritikan sastera berbentuk ilmiah turut mengabaikan genre cinta. Dalam scenario penyelidikan sastera di Barat, ahli akademik tidak sepenuhnya mengabaikan genre cinta (rujuk contohnya, Modleski (1982/2008) dan Radway (1991)), namun perbincangan masih menilai karya secara negatif. Kebelakangan ini, situasi telah menunjukkan perubahan. Sekumpulan peminat dan penulis genre cinta yang terlibat dalam akademia telah menubuhkan *International Association for the Study of Popular Romance* yang kemudiannya menerbitkan sebuah jurnal berwasit dan menganjurkan persidangan akademik. Walaupun "[r]omance is one of the last fiction genres to find a place on college syllabi (Pearse, 2015), beberapa universiti seperti Princeton telah memasukkan genre cinta dalam silabus sastera popular mereka dan ini mungkin merupakan langkah awal untuk meletakkan genre cinta sebagai topik yang diberi perhatian dalam lingkungan ilmiah. Di Malaysia, kepopularan genre yang cinta menyaksikan kemunculan syarikat penerbitan yang khusus menumpukan produk mereka kepada genre cinta dan karya bergender lain dengan penulis yang menikmati keuntungan daripada jualan yang tinggi, menyaksikan pengkaji mula memberi perhatian kepada genre tersebut. Dewan Bahasa dan Pustaka juga telah membuka ruang kepada penyelidik untuk membincangkan dan menerbitkan perbincangan mereka tentang sastera popular (Nurul Hilwany Che Shaffine, 2017). Perkembangan ini diharapkan dapat membuka lembaran baru dalam penyelidikan bukan sahaja genre cinta tetapi genre popular yang lain.

3. PENGKRITIK SASTERA KONTEMPORARI DAN GENRE CINTA

Seperti yang sudah dinyatakan, perhatian yang diberikan oleh pengkaji karya sastera terhadap novel cinta adalah tidak sepadan dengan kepopularannya. Dan apabila karya ini – terutamanya dalam konteks karya yang diterbitkan di barat – dibincangkan, ia lebih cenderung dilihat dalam konteks negatif (Regis, 2011) oleh pengkaji awal (antara 1979-1984) seperti Snitow (1979/2001), Modleski (1982/2008) dan Mussell (1984): antaranya porno, tiada plot, fantasi, ketagihan, alat patriarki. Regis (2011) bagaimanapun, mengakui bahawa pembacaan teliti menunjukkan bahawa kritikan yang dihasilkan mempunyai nuansa, namun kesimpulan yang boleh didapati daripada kesemua perbincangan tersebut secara umumnya, mengaitkan aspek negatif kepada aktiviti pembacaan novel cinta. Terdapat tiga pandangan utama yang ingin disampaikan oleh Regis: iaitu pertama, bidang kritikan sastera harus memberi ruang kepada genre cinta; kedua, genre cinta seperti juga genre lain turut berkembang dan mengalami perubahan serta pengkaji harus menyedari hakikat ini; dan ketiga, kajian terhadap genre cinta tidak boleh dimulai dengan andaian dan prejudis.

Gelombang kedua dalam kajian genre cinta menunjukkan perubahan ini. Pelbagai kaedah dan teori diguna pakai dalam usaha untuk menghuraikan dan mengaitkan novel cinta sebagai genre sastera dan aktiviti penerimaan dan pemaknaan oleh pembaca. Aspek yang membezakan pengkaji gelombang kedua dengan gelombang pertama ialah kerapatan mereka dengan genre cinta. Hal ini ketara kerana kritikan Barr Snitow (1979/2001) didasarkan kepada lima teks sementara Modleski (1982/2008) hanya membaca sembilan teks. Kajian etnografi Radway (1991) yang melihat kepada 40 orang pembaca wanita merupakan satu aspek yang membuka

lembaran baharu dalam penyelidikan genre cinta, namun dilihat sebagai lahir daripada pandangan semasa yang masih menanggapi genre tersebut secara negatif.

Regis (2011) menunjukkan bahawa dalam bidang kritikan sastera, aspek yang harus difahami ialah latar masa dan situasi yang mempengaruhi pengkaji. Pengkaji yang berkecimpung dalam bidang tertentu terpengaruh dengan pandangan – andaian, cara kerja, teori dan kaedah tertentu – yang berkaitan dengan bidang tersebut. Pengkaji dalam gelombang pertama menganggotai latar masa dan suasana sosiobudaya yang berbeza dengan pengkaji milenium. Oleh itu, kajian mereka menggambarkan pegangan kepada *topoi* tertentu yang menandai pemahaman terhadap bidang kajian. Regis (2011, para 12) meringkaskan perbincangan Laura Wilder tentang pengaruh komuniti wacana (*discourse community*) terhadap aktiviti ahli akademik terutamanya pengkritik sastera,

...these special topoi “invoke the shared assumptions” of their group.... [B]oth reveal our assumptions as literary scholars, and simultaneously, create our scholarly community. We identify ourselves as members of the literary critical community....topoi as the “unstated premises that seek to connect [a work of criticism] with an audience’s hierarchy of values”....They are therefore, morally charged; indeed, taken together they constitute a sort of ethics of critical practice, present despite the diverse works, periods, and genres from which the critics draw the literature that they analyze, and despite their diverse theoretical approaches that the critics use in creating their arguments...A critic’s participation in the discourse community is signaled by these special topoi, which align the writer with the values of the community while passing judgement on the literature under scrutiny. In a discourse community whose measure of accomplishment is the publication of peer-reviewed written argument, the special topoi signal not only our membership but also our belief on the correctness of the values that each of these topoi embodies.

Pengkritik sastera dalam konteks ini terdidik untuk mengambil pendekatan bahawa karya sastera bersifat kompleks dan aktiviti penganalisisan memerlukan kesabaran dan ketelitian dalam merungkaikan kerumitan tersebut. Topos yang dikenali sebagai *contemptus mundi* (Regis, 2011, “*Contemptus Mundi, Social Justice, and...*”, para 23) menunjukkan pengkritik meletakkan nilai kepada karya sastera yang mengutarakan isu yang berbentuk pesimistik, penderitaan dan “...the unresolvable tensions and shadows in literature...”.

Sebagai penggemar novel cinta, penulis mengakui bahawa novel cinta mempunyai aspek yang membolehkan ia dikritik, namun kritikan tersebut harus datang daripada ruang yang melihat karya tersebut sebagai mempunyai nilai tersendiri. Dalam hal ini, perbincangan Dixon (1999) tentang genre cinta yang diterbitkan oleh *Mills & Boon* boleh dijadikan satu contoh. Perbincangan beliau menelusuri novel-novel terbitan syarikat tersebut daripada tahun 1909 hingga 1990an dan mendapati bahawa genre tersebut mengiringi perkembangan yang berlaku dalam kehidupan masyarakat Britain malah kadang-kadang mendepani isu, terutamanya yang menyentuh tentang kehidupan golongan wanita di sana.

Perbincangan Nurul Hilwany Che Shaffine (2017) tentang kajian yang dilakukan terhadap novel popular di Malaysia menunjukkan pemahaman ini masih belum diterima sepenuhnya oleh penyelidik yang mendekati novel cinta. Dengan menggunakan teori yang dilahirkan khusus untuk mengkaji karya sastera ‘tinggi’, perbincangan berkisar kepada isu sosial seperti nilai murni dalam karya sastera atau sama ada novel popular lebih mementingkan aspek komersial berbanding aspek intelektual (Nurul Hilwany Che Shaffine, 2017). Kekurangan nilai yang lekatkan kepada novel cinta boleh sahaja dikaitkan dengan pandangan pengkaji bahawa genre ini mudah, ringkas, atau berlawanan sekali dengan pandangan bahawa untuk bernilai, sebuah karya sastera mestilah ‘kompleks’.

Regis (2011) mengakui bahawa pengkaji gelombang kedua tidak menyebarkan pemahaman bahawa novel cinta ialah genre yang kompleks, namun tetap mempertahankan genre tersebut

sebagai objek kajian yang tidak boleh diketepikan. Oleh itu, Regis (2011) mengusulkan beberapa perkara yang perlu diberi perhatian oleh pengkaji novel cinta:

1. Mempertahankan kajian genre cinta sama ada pengkaji menanggapi genre tersebut sebagai mudah atau sebaliknya. Bagi pengkaji yang menanggapi bahawa genre cinta ini mudah, pastikan bahawa anda tidak terperangkap dengan anda tersebut dalam aktiviti kritikan. Soalan yang perlu ditanya ialah: Jika genre ini mudah, adakah kepopularannya bermaksud peminat genre ini juga boleh diambil mudah, tidak sofistikated?
2. Pengkaji harus mendekati genre dengan fikiran yang terbuka. Walaupun novel cinta dilihat ringkas dan mudah, namun keseluruhan genre tersebut mempunyai kompleksiti yang unik sifatnya. Pemilihan karya untuk dikaji melibatkan pengkritik mengetahui bahawa berpuluh-puluh, mungkin beratus-ratus tajuk baharu diterbitkan setiap tahun. Dalam beribu-ribu tajuk tersebut, ada yang baik dan ada yang lemah kualitasnya. Pengkaji harus mencari novel yang baik untuk dibaca dan dikaji.
3. Jangan menyamakan nilai novel cinta dengan pembacanya, atau nilai komuniti wacananya. Peminat mempunyai banyak sebab untuk meminati seseorang penulis atau sesebuah novel, tetapi tidak semestinya satu novel yang diminati oleh peminat itu ataupun terjual dengan banyak merupakan contoh keseluruhan terbaik bagi genre tersebut.
4. Berkaitan dengan perkara 2, pengkaji perlu mengakui bahawa untuk mencapai tahap representatif dalam kajian novel cinta adalah perkara yang sukar dilakukan.

Regis (2011) menegaskan bahawa beliau tidak membawa pemahaman yang kajian terhadap novel cinta hanya boleh diakhiri dengan kesimpulan positif atau diberikan pujian, tetapi tentang pengkaji menyedari tentang pengaruh praandaian dan arkeologi pengetahuan (rujuk tulisan Michel Foucault, misalnya) kepada amalan dalam analisis, dan berusaha untuk menampung aspek penting dalam semua kajian ilmiah, iaitu jurang penyelidikan.

4. TEORI DAN PENDEKATAN UNTUK PENERAPAN DALAM KAJIAN NOVEL CINTA: STRUKTURALISME DAN MAKLUM BALAS PEMBACA (*READER-RESPONSE*)

Dalam sejarah penelitian karya sastera yang panjang, terdapat pelbagai teori dan pendekatan yang menyediakan kaedah yang boleh diguna pakai. Antaranya ialah strukturalisme, formalisme, maklum balas pembaca (*reader-response*), dan feminisme. Sebagai permulaan, kertas kerja ini akan menyentuh secara ringkas dua aliran pemikiran yang menyediakan kaedah yang boleh diguna pakai iaitu, strukturalisme dan maklum balas pembaca. Hal ini dirasakan sesuai kerana ruang yang terhad, dan perbincangan telah menunjukkan bahawa kritikan yang dilemparkan terhadap novel cinta berkisar kepada kandungan yang kemudiannya dikaitkan dengan aktiviti penerimaan

4.1 KAEDAH STRUKTURALISME

Kritikan sastera ialah aktiviti yang secara dasarnya bersifat interpretif dan kegunaan teori atau pendekatan tertentu dalam kritikan karya memberikan ruang dan peluang membawa masuk pengetahuan tambahan (Culler, 2002) untuk merancah (*to scaffold*) interpretasi penganalisis. Dalam konteks ini, teori atau pendekatan yang sesuai berupaya membebaskan pengkaji daripada menghasilkan analisis yang berbentuk interpretif peribadi. Analisis yang memberikan sumbangan ialah analisis yang mampu memberikan makna dan menghuraikan proses pemaknaan yang digunakan oleh penganalisis.

Aliran strukturalisme bermula daripada bidang linguistik yang kemudiannya dikembangkan kepada bidang-bidang lain termasuk sastera. Roland Barthes (seperti yang dipetik dalam Culler, 2002) mendefinisikan strukturalisme sebagai kaedah daripada linguistik kontemporari yang kemudiannya diterap dalam usaha mengkaji fenomena sosiobudaya lain. Kegunaan strukturalisme dalam kritikan sastera tidaklah meminjam sepenuhnya daripada bidang linguistik. Hanya terdapat beberapa bentuk pemikiran strukturalisme yang boleh diterapkan kepada analisis karya sastera. Pertama, ialah pembahagian Ferdinand de Saussure tentang *langue* dan *parole*. Terdapat perbezaan antara sistem yang stabil (dalam konteks linguistik – tatabahasa atau *langue*) dan penggunaan (*parole*). Dalam konteks karya sastera, genre merupakan sistem yang memberikan peraturan umum kepada penciptaan karya, namun kreativiti penulis dalam memanipulasikan sistem tersebut menjadi satu aspek yang cuba dikesan dalam aktiviti penganalisisan karya. Dalam konteks kritikan sastera, strukturalisme menuntut pengkaji supaya memberikan perhatian kepada konvensi genre.

Kedua, kritikan strukturalisme memanfaatkan pandangan bahasa sebagai sistem tanda. Dalam pemahaman ini, novel cinta bukan sahaja sebuah artifak tetapi dalam karya tersebut terdapat satu sistem budaya dan kepercayaan yang dikongsi bersama antara penghasil teks/penulis dengan pembaca yang dilingkungi oleh masyarakat. Suatu objek material seperti karya sastera sarat dengan makna. Pembentukan atau pemberian makna kepada novel cinta, contohnya bergantung kepada jaringan perhubungan dalam sesuatu masyarakat dan boleh dilihat dalam dua bentuk, dalaman dan luaran. Dalam erti kata lain, makna ialah hasil daripada suatu sistem yang terdiri daripada bahagian-bahagian yang berhubung antara satu sama lain. Dalam konteks karya sastera, sesebuah novel atau sajak bukanlah satu entiti yang dapat asing dan terpisah, tetapi satu gigi dalam rangkaian yang maknanya dilihat dalam keseluruhan sistem ‘institusi’ kesusasteraan. Daripada pandangan ini, dapat difahamkan bahawa pengkritik yang tidak menggemari atau tidak mempunyai pandangan positif tentang novel cinta masih boleh membaca karya tersebut, tetapi penghayatan tidak akan tercapai kerana makna sepenuhnya tersembunyi daripada pengkritik itu. Sebagai sastera bergender, satu persoalan boleh ditimbulkan oleh pengkaji: Adakah pengkritik lelaki dapat menjiwai karya sastera yang menonjolkan dunia wanita seperti novel cinta?

Karya sastera menggunakan mod penceritaan yang cenderung menggunakan bahasa yang puitis. Metafora yang banyak digunakan dalam karya sastera dianggap sebagai satu aspek yang menekankan konsep ‘kepalsuan karya’. Untuk berinteraksi dengan karya sastera, pembaca terlebih dahulu perlu berhadapan dengan aspek kepalsuan ini. Dalam konteks ini, pembaca terlebih dahulu menyahkodkan bahasa yang ‘luar biasa’ ke dalam bentuk yang boleh difahami. Proses “*naturalization*” atau “*vraisemblabilisation*” (kemungkinan) ini membolehkan pembaca menyempitkan jurang pemahaman dengan mewujudkan koheren antara pengalaman peribadi dan sosiobudaya pembaca dengan teks (Culler, 2002, h. 161). Walau bagaimanapun, novel cinta sebagai sastera popular tidak memanipulasikan bahasa sebagaimana karya sastera lain terutamanya puisi. Pemakaian bahasa yang lebih bersahaja kadangkala merupakan satu aspek yang membezakan novel cinta yang lebih serius dengan novel cinta yang disasarkan lebih kepada remaja sehingga menjadi identiti genre ini. Dalam konteks ini, adakah pengkritik berupaya melihat gaya bahasa yang lebih santai sebagai satu kekuatan dan bukannya kelemahan?

Selain daripada bahasa, aspek seperti tema, plot dan watak dan perwatakan dalam novel cinta merupakan ciri penting dalam memahami genre ini. Sehubungan itu, Barthes (1990) membincangkan lima jenis kod yang diringkaskan oleh Culler (2002) kepada dua kod sahaja, iaitu kod semik (*semic*) dan simbolik. Kod-kod ini merujuk kepada penggunaan konvensi karya sastera yang membantu proses pemahaman, contohnya cara penulis mengaitkan watak dengan perwatakan, penstrukturan aksi atau tindakan watak yang membawa pembaca kepada penerimaan urutan plot penceritaan. Bagi pembaca, pemaknaan ialah interaksi antara elemen penceritaan dengan pengalaman dan pengetahuan sosiobudaya individu dalam usaha

menghayati karya yang dibaca. Selain daripada makna teks, pembaca akan dipengaruhi oleh persekitaran sosiobudaya dalam memaknakan teks. Contohnya, dalam novel cinta, perhubungan dedua jelas diwujudkan oleh watak hero dan heroin dengan perwatakan yang jelas menonjolkan ciri-ciri maskulin dan feminin; atau boleh juga dilihat dalam garapan perhubungan cinta yang dikenali sebagai *opposites attracts*. Namun, ada masanya pemahaman konvensional ini boleh ditentang dengan mewujudkan watak yang berbeza seperti heroin tomboy dan hero yang lembut; atau watak heroin yang bertindak sebagai ketua keluarga/pelindung.

Pendekatan struktural yang menumpukan penelitian kepada elemen yang membentuk karya; tema, gaya bahasa, watak dan perwatakan, latar dan plot berupaya mengesan elemen yang membentuk novel cinta dan memberikan gambaran sebenar sama ada ciri 'berformula' yang dilekatkan dengan genre ini merupakan pandangan yang benar. Aspek pembaharuan dalam penciptaan karya atau pengekalan kaedah yang berkait dengan genre akan membuka ruang kepada perbincangan yang lebih bernuansa. Selain itu, pembaharuan dan pengekalan yang dikaitkan dengan amalan penerbitan dan pemasaran karya, serta aspek penerimaan, sama ada dari segi tarikan kepada pembaca atau silang medium (contohnya adaptasi drama) akan menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang genre ini.

4.2 Kaedah Maklum balas Pembaca

Teori maklum balas pembaca (*reader-response theory*) dilihat sebagai perkembangan dalam bidang sastera yang paling banyak dibincangkan dalam pertengahan kedua abad ke-20 (Bennett & Royle, 2004). Perkembangan ini merupakan reaksi kepada aliran kritikan baharu (*new criticism*) yang melihat teks sebagai berautonomi dan hanya meneliti apa yang ada dalam karya sahaja. Dengan pandangan sedemikian, kritikan baharu tidak menganggap reaksi atau penerimaan pembaca sebagai suatu aspek yang perlu diberi perhatian dan boleh dikaji. Pengkaji yang melihat kekurangan dalam pemikiran kritikan baharu seperti Wolfgang Iser dan Stanley Fish mempertahankan bahawa makna teks terbit daripada interaksi antara pembaca dan teks.

Proses pembacaan dan interaksi pembaca bergantung kepada beberapa perkara pokok. Seperti yang dibincangkan oleh aliran strukturalisme, pengetahuan bahasa memainkan peranan penting dalam proses membaca. Oleh itu, tahap interaksi pembaca dipengaruhi oleh beberapa perkara. Karya yang menggunakan bahasa puitis dan plot yang kompleks akan menuntut pembaca yang lebih peka berbanding karya yang menggunakan bahasa yang lebih mudah dengan struktur naratif yang lebih ringkas. Oleh itu, kajian tentang interaksi pembaca dengan teks perlu memahami proses pembacaan sebagai satu proses yang sangat subjektif dan proses pemaknaan sebagai domain individu. Pengkaji perlu menjauhi konsep 'makna sebenar' atau 'makna yang tepat'.

Namun, harus ditekankan bahawa walaupun pembaca menikmati karya sebagai individu, tetapi mereka masih lagi berada dalam lingkungan komuniti pembaca. Sebagai sebuah "*interpretive community*" (Bennett & Royle, 2004, h. 13, Glover & Kaplan, 2000), komuniti pembaca ini membentuk peraturan atau konvensi tentang karya yang kemudiannya dikongsi bersama oleh pembaca lain. Peraturan yang dibentuk mengambil kira konteks sosiobudaya yang melingkari pembaca. Oleh itu, pengkaji maklum balas pembaca memegang pandangan bahawa karya ataupun pembaca tidak sepatutnya dikaji secara terasing daripada komuniti pembaca atau masyarakat.

Perkembangan seterusnya dalam aliran maklum balas pembaca berkait rapat dengan perkembangan dalam bidang kritikan budaya, contohnya pandangan tentang kuasa yang ada pada teks dan bagaimana pembaca berinteraksi dengan teks. Pembaca menundukkan diri kepada teks, tetapi dalam pada masa yang sama boleh bertindak secara subversif untuk menentang teks. Tugas pembaca adalah untuk berimajinasi dan menampung jurang pemahaman yang ditemui

dalam teks. Contohnya, jika tindakan yang diambil oleh seorang watak dalam sesuatu cerita tidak dapat difahami pembaca, pembaca mungkin terpanggil untuk memikirkan sebab dan cuba menyelesaikan persoalan tersebut. Pembacaan dalam konteks ini ialah pemindahan dan transformasi kuasa. Penekanan kepada kuasa dalam aktiviti pembacaan turut menambahkan perhatian pengkaji kepada isu gender dan bangsa/ras.

Satu perkata yang jelas boleh dikaitkan dengan novel cinta ialah pandangan yang diusulkan oleh Judith Fetterley (seperti yang dipetik dalam Bennett dan Royle, 2004, h. 14). Menurut beliau, ketidakseimbangan gender dalam kesusasteraan berkemungkinan besar telah menyumbang kepada pembaca wanita yang 'dilelakikan' (*immasculated*) kerana dibiasakan membaca seperti pembaca lelaki. Oleh itu, Fetterley menggesa pembaca wanita untuk membebaskan diri daripada mengambil kedudukan atau perspektif lelaki dalam proses membaca karya. Sehubungan dengan itu, Jonathan Culler (seperti yang dipetik dalam Bennett & Royle, 2004, h. 14) bertanya tentang maksud 'membaca sebagai wanita' dan "*how might 'reading as a woman' be different from 'reading as a man'?*". Konsep pembacaan bergender (*gendered reading*) ialah konsep yang sangat bermakna dalam memahami genre cinta. Antara isu yang boleh ditimbulkan ialah konsep kemaafan yang terdapat dalam novel yang mempunyai watak hero yang mendera watak heroin secara fizikal dan verbal tetapi dimaafkan dan diterima semula untuk memenuhi kehendak genre tentang HEA.

Isu identiti seperti ras dan etnik turut mempengaruhi aktiviti pembacaan. Konsep '*the other*' dan dan '*otherness*' wujud dalam novel cinta sebagai gambaran sosiobudaya secara umum. Walaupun tidak menyeluruh, dapat dilihat dalam keadaan tertentu, penulis mem'fetisy'kan rupa paras tertentu, contohnya watak kacukan atau watak yang mempunyai rupa paras dan perangai yang datang daripada lingkungan luar budaya pembaca. Perkara ini bukanlah perkara baru. *The Sheik* (ditulis oleh E. M Hull) yang diterbitkan pada tahun 1919 dilihat sebagai prototaip kepada subgenre cinta padang pasir (*desert romances*) yang masih wujud hingga ke hari ini. Aspek ini memberikan ruang dan potensi baharu kepada kepada pengkaji, contohnya pengkaji boleh membincangkan aspek eksotik yang asing (*the exotic other*) sebagai daya tarikan dalam penulisan novel cinta, baik dari segi latar mahupun perwatakan. Dengan memanfaatkan maklum balas pembaca, pengkaji novel cinta dapat memahami saling hubung elemen fantasi dalam novel dengan tahap kepuasan pembaca.

5. KESIMPULAN

Pendekatan struktural dan maklum balas pembaca boleh diterapkan secara berasingan atau boleh dimanfaatkan secara serentak. Namun, pengetahuan tentang genre perlu untuk penentuan data yang mengambil kira objektif dan limitasi kajian. Kaedah kajian yang hanya menumpukan kepada teks boleh digunakan tanpa banyak masalah kerana pelbagai pendekatan boleh digunakan termasuk pendekatan strukturalisme. Namun, pendekatan maklum balas pembaca memerlukan pengkaji mengetahui karya sebelum menerapkan kaedah tersebut. Penerapan kaedah yang melihat kandungan dan mengambil kira pembaca menekankan aspek dualiti dalam aktiviti kritikan karya yang berupaya bukan sahaja untuk merungkaikan aspek teks tetapi juga aspek konteks yang penting dalam mempengaruhi pembacaan teks dan menunjangkan teks sebagai artifak sosiobudaya.

Untuk novel cinta, tema, plot, watak dan perwatakan, sudut pandangan, latar dan gaya bahasa perlu dihubungkan dengan genre. Dengan menyorot kritikan terhadap kepada genre cinta di Malaysia, pengkaji perlu berupaya menunjukkan perkembangan, kelainan dan pembaharuan yang telah dilalui oleh genre ini, seperti yang dilakukan oleh Dixon (1999). Plot dan pengakhiran mempunyai peranan tersendiri yang berupaya menarik minat pembaca. Dalam konteks ini, memahami cara pembaca interaksi dengan novel mampu menjelaskan bentuk kepuasan yang dinikmati pembaca. Selain itu, sebagai sastera bergender, novel cinta memfokuskan kepada

watak heroin. Konsep *female gaze* yang ketara dalam novel cinta (sila rujuk Laura Mulvey, 1975) boleh digunakan untuk menganalisis elemen seperti watak, perwatakan dan latar. Kaedah struktural mampu untuk menyingkapkan elemen sudut pandangan, selain daripada isu berkaitan gender dalam persekitaran sosiobudaya penciptaan karya. Sementara, kaedah maklum balas pembaca berupaya untuk mendalami pandangan pembaca tentang jenis-jenis watak dan tentang heroin yang pernah dikritik sebagai ditindas patriarki dan pasrah. Reaksi atau penerimaan pembaca boleh didapati apabila pengkritik sastera berupaya memahami novel cinta daripada aspek kandungan dan penghasilan. Kritikan terhadap karya tersebut dari segi plot, contohnya kahwin paksa dan isu yang dibawa seperti keganasan rumah tangga boleh digali melalui proses pemaknaan yang dilakukan pembaca. Satu isu yang mungkin dihadapi oleh pengkaji ialah dari segi keupayaan responden kajian untuk memberi jawapan yang kritis dan mendalam kerana ia memerlukan kemampuan untuk mengakses proses berfikir dan merasa yang sangat peribadi.

Kajian terhadap karya sastera mempunyai pelbagai aliran pemikiran dan pendekatan. Kritikan sastera seperti bidang-bidang lain dibentuk dan dipengaruhi oleh perkembangan semasa. Perkembangan dan perbincangan terkini dalam bidang kritikan sastera boleh dimanfaatkan seiring dengan pendekatan yang sudah lama bertapak dalam disiplin ini. Disiplin lain seperti kajian gender, sosiologi, sejarah, biografi dan etnografi sudah lama digabungkan untuk memberikan dimensi dan perspektif baharu kepada analisis karya sastera. Perhatian yang sama patut diberikan kepada genre cinta. Novel ini sudah wujud sekian lama dan merupakan genre yang sudah sebatu dengan sesuatu masyarakat. Tugas utama pengkritik sastera adalah untuk mengkaji teks sastera yang dihasilkan dan dinikmati oleh masyarakat; jadi, adakah pengabaian terhadap genre cinta boleh dianggap sebagai menunjukkan bahawa pengkritik belum sepenuhnya bersedia untuk berhadapan dengan genre yang bergender wanita?

PENGHARGAAN

Kertas kerja ini ialah sebahagian daripada penyelidikan yang dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (*Fundamental Research Grant Scheme*, Kod S/O 12892).

RUJUKAN

20 karya rebut anugerah POPULAR-BH 2016. (2016, Mei 13). *BH Online*. Dapat semula 21 Ogos 2019, daripada <https://www.bharian.com.my/node/153154>

Barthes, R. (1990). *S/Z* (R. Miller, Trans.): Blackwell.

Bennett, A. & Royle, N. (2004). *An introduction to literature, criticism and theory (third edition)*: Pearson Longman.

Brancky, A. (2010). Holmes, Diana: Romance and readership in twentieth-century France: Love stories. Review. *Journal of Popular Romance Studies* 1(1). Dapat semula 21 Ogos 2019, daripada http://jprstudies.org/wp-content/uploads/2010/07/JPRES1.1_Brancky_ReviewHolmes.pdf

Culler, J. (2002). *Structuralist poetics: Structuralism, linguistics, and the study of literature*: Routledge.

Crews, F. C. (2014, December 17). Literary criticism. *Encyclopaedia Britannica*. Encyclopaedia Britannica Inc. Dapat semula 28 Mei 2019, daripada <https://www.britannica.com/art/literary-criticism>

- Dixon, J. (1999). *The romance fiction of Mills & Boon 1909-1990s*: Routledge.
- Faircloth, K. (2017, Oktober 6). Here's how not to critique romance novels. *Jezebel*. Dapat semula 29 Mei 2019, daripada <https://jezebel.com/heres-how-not-to-critique-romance-novels-1819188174>
- Glover, D. & Kaplan, C. (2000). *Genders*: Routledge.
- Hafizah Iszahanid. (2016, Julai 5). Populariti, publisiti lonjak pemenang. *BH Online*. Dapat semula 21 Ogos 2019, daripada <https://www.bharian.com.my/node/171469>
- Hafizah Iszahanid. (2019, Januari 30). Novel thriller, seram, cinta kuasai pasaran Malaysia. *BH Online*. Dapat semula 21 Ogos 2019, daripada <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2019/01/525743/novel-thriller-seram-cinta-kuasai-pasaran-malaysia>
- Kaler, A. K. (1999). Conventions of the romance genre. Dalam A.K. Kaler & R. Johnson-Kurek (Eds.), *Romantic conventions* (h. 1-9): Bowling Green State University Popular Press.
- Lin, R. & Yeow, G. (2011, Jun 26). The great gender divide on reading habits (Books). *The Star*. Dapat semula 12 Julai 2020, daripada <https://www.thestar.com.my/lifestyle/books/2011/06/26/the-great-gender-divide-on-reading-habits>
- Mann, P. H. (1969). *The romantic novel: A survey of reading habits*: Mills & Boon.
- McEwan, I. (2005, September 20). Hello, would you like a free book? *The Guardian*. Dapat semula 21 Ogos 2019, daripada <https://www.theguardian.com/books/2005/sep/20/fiction.features11>
- Modleski, T. (2008). *Loving with a vengeance: Mass-produced fantasies for women (second edition)*: Routledge.
- Mohammed, F. (2019, Februari 11). The business of the romance novel. *Jstor Daily*. Dapat semula 21 Mei 2019, daripada <https://daily.jstor.org/the-business-of-the-romance-novel/>
- Mulvey, L. (1975). Visual pleasure and narrative cinema. *Screen*, 16(3), 6-18. <https://doi.org/10.1093/screen/16.3.6>
- Mussel, K. (1984). *Fantasy and reconciliation: Contemporary formulas in women's romance fiction*: Greenwood.
- Nurul Hilwany Che Shaffine. (2017). *Ilmu dalam novel popular karya Aisya Sofea berdasarkan Persuratan Baru* (Tesis Master Sastera, Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putera Malaysia, Selangor, Malaysia). Dapat semula daripada <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/68462/1/FBMK%202018%204%20-%20IR.pdf>
- Pearse, E. (2015, Mac 12). Why can't romance novels get any love. *Smithsonian.com*. Dapat semula 29 Mei 2019, daripada <https://www.smithsonianmag.com/arts-culture/why-cant-romance-novels-get-any-love-180954548/>
- Radway, J. (1991). *Reading the romance: Women, patriarchy and popular literature* [Cetakan semula dengan pengenalan baharu]: University of North Carolina Press.

- Regis, P. (2011). What do critics owe the romance? Keynote address at the Second Annual Conference of the International Association for the Study of Popular Romance. *Journal of Popular Romance Studies* 2(1). Dapat semula 27 Mei 2019, daripada http://jprstudies.org/wp-content/uploads/2011/10/JPRS2.1_Regis_Keynote.pdf
- Roach, C. (2010). Getting a good man to love: Popular romance fiction and the problem of patriarchy. *Journal of Popular Romance Studies* 1(1). Dapat semula 21 Ogos 2019, daripada http://jprstudies.org/wp-content/uploads/2010/08/JPRS1.1_Roach_GettingGoodMantoLove.pdf
- Schaar, T., Lapasau, M.& Ng, Chwee Fang. (2013). Reading habits of Malaysian students beyond classrooms. Dalam Syed Nurulakla Syed Abdullah, Roslina Mamat & Muhd Zulkifli Ismail (Eds.), *Studies on foreign languages and cultures* (h. 114-138): UPM Press.
- Siti Fatimah Anwar & Latifah Arifin, (2019, Jun 11). Hadi Fayyadh pecah dominasi novelis wanita. *BH Online*. Dapat semula 21 Ogos 2019, daripada <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2019/06/572883/hadi-fayyadh-pecah-dominasi-novelis-wanita>
- Snitow, A. (1979/2001). Mass market romance: Pornography for women. Dalam S. O Weisser (Ed.), *Women and romance: A reader* (h. 307-323): New York University Press.
- Wendell, S. (2012). "You call me a bitch like that's a bad thing": Romance criticism and redefining the word "bitch". Dalam S. S.G. Frantz & E. M. Selinger (Eds.), *New approaches to popular romance fiction: Critical essays* (h. 178-194): McFarland & Company, Inc. Publishers.
-